

IPT perlu lakar identiti tersendiri agar terus diiktiraf

Kejayaan lapan universiti Malaysia menduduki senarai 200 institusi pengajian tinggi (IPT) terbaik dunia adalah sesuatu yang patut dibanggakan. Lebih-lebih lagi senarai QS World University Rankings yang diperbaharui setiap tahun itu sebenarnya membabitkan 800 universiti di seluruh dunia dan diiktiraf senarai kedudukan IPT paling terkenal dan dihormati di peringkat antarabangsa. Senarai itu menjadi sumber rujukan pelajar, profesional universiti dan kerajaan di seluruh dunia. Sudah tentu berada di kelompok 200 teratas menunjukkan kemajuan besar IPT Malaysia dari segi pencapaian akademik masing-masing yang kini bertaraf dunia. QS sendiri menyifatkan kedudukan universiti dalam senarainya bertujuan mengiktiraf universiti umpama sebuah pertubuhan selain membuat perbandingan kejayaan IPT berkenaan dari segi usahanya untuk kekal atau mencapai kelas dunia berdasarkan empat teras utama, iaitu penyelidikan, pendidikan, kela-risan pelajarnya dalam kalangan majikan dan tahap pengajiannya dibandingkan standard antarabangsa.

Justeru, kita wajar mengucapkan syabas kepada Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Multimedia (MMU). Apa yang membanggakan ialah lapan universiti berkenaan memenuhi kriteria standard antarabangsa menerusi penilaian 30 bidang pengajian. USM, misalnya, berada di tempat ke-28 terbaik dalam bidang sains alam sekitar selain ke-100 terbaik dalam bidang komputer dan sains maklumat, kejuruteraan kimia, kejuruteraan awam dan kejuruteraan mekanikal. UM pula dalam senarai 100 terbaik bagi enam bidang termasuk bahasa moden, sains komputer dan teknologi maklumat, kejuruteraan kimia, kejuruteraan elektrikal, mekanikal dan pendidikan. Sementara itu, UPM berada dalam senarai 100 terbaik dalam bidang pertanian, perhutanan dan pendidikan manakala UKM diiktiraf dalam bidang politik dan pengajian antarabangsa serta pendidikan. Cabaran bagi universiti berkenaan, seperti kata QS kini adalah bagaimana mereka berusaha untuk kekal atau meningkatkan kedudukan dalam senarai berkenaan. Apakah IPT kita mampu mencabar National University Singapura yang berada dalam kedudukan 10 terbaik dalam semua lima kategori fakulti kejuruteraan dan teknologi? Kita harap universiti tempatan juga berupaya melakar identiti tersendiri tidak kira apa juga bidang akademik supaya terus diiktiraf bukan hanya QS malah setanding dengan nama terkenal seperti Harvard dan MIT, dua peneraju senarai berkenaan.